

24 MAY 1996

S46 SEDIA TERIMA KEPIMPINAN DR MAHATHIR

GUA MUSANG, 24 Mei (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 (S46) bersedia menerima kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha membawa perpaduan Melayu, kata Presidennya Tengku Razaleigh Hamzah.

"Kalau terpaksa kita korban S46, kita akan korban S46 kerana perpaduan Melayu," katanya pada majlis sambutan ulang tahun ke-50 penyatuan bangsa Melayu di sini hari ini.

Pembentukan S46 dahulupun adalah sebagai alat untuk menghidupkan Umno bagi menyatupadukan orang Melayu, kata Tengku Razaleigh yang juga anggota Parlimen Gua Musang.

Kenyataannya itu merupakan satu lagi langkah ke hadapan dalam usahanya membawa para pengikutnya kembali ke pangkuan Umno yang dianggap penting kerana dibuat di sini, kawasan pilihan raya yang diwakilinya sejak lebih 20 tahun.

Pemuda dan Wanita S46 bahagian Gua Musang sebelum itu menyatakan ikrar untuk berdiri teguh di belakang Tengku Razaleigh dalam apa jua langkah yang diambil beliau.

Tengku Razaleigh berkata beliau akan berjumpa lagi dengan Dr Mahathir yang kembali dari luar negara hari ini, untuk meneruskan perbincangan ke arah perpaduan Melayu.

Sungguhpun banyak yang mengkritik beliau dalam soal itu, Tengku Razaleigh berkata beliau tidak perlu memohon maaf.

Ketika ditanya pemberita kemudian sama ada usaha itu termasuk membubarkan S46, beliau berkata apa juga langkah ke arah menyatukan bangsa akan dilakukan.

"Kalau Umno lama dapat dihidupkan dulu, S46 sudah lama dibubar," katanya.

Menurutnya disebabkan langkah kerjasama telah dimulakan, S46 tidak menyertai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Melaka kawasan Bukit Asahan sebagai tanda sokongan kepada kepimpinan Dr Mahathir. -- BERNAMA

AZZ NMO